

21 AUG 1997

Mohamed-Jerebu

KERJASAMA INDONESIA-MALAYSIA MENANGANI JEREBU

JAKARTA, 21 Ogos (bernama) - Indonesia and Malaysia hari ini bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam menangani masalah jerebu, kata Menteri Penerangan Malaysia Datuk Mohamed Rahmat.

"Malaysia bersedia bekerjasama dalam membantu Indonesia dengan apa cara sekalipun untuk menangani masalah jerebu itu," katanya selepas menemui Menteri Kebajikan Sosial Indonesia, Azwar Anas dan Menteri Alam Sekitar Sarwono Kusumaatmadja di sini.

Malaysia mempunyai keazaman untuk memberikan bantuan sama ada wang ringgit, peralatan atau kemudahan untuk memerangi masalah jerebu di Indonesia dan kedua-dua kerajaan telah bersetuju untuk membantu satu sama lain, katanya.

Beliau berkata Malaysia tidak boleh menyalahkan Indonesia berhubung masalah jerebu kerana kejadian seumpama itu boleh juga berlaku di Malaysia.

"Apa yang perlu dilakukan oleh kedua-dua negara ialah untuk mempertingkatkan pengawalan terhadap perkara ini menerusi kerjasama dua hala. Jika Indonesia, sebagai contoh, memerlukan pesawat atau penyemaian awan untuk menghasilkan hujan tiruan untuk memadamkan kebakaran hutan, Malaysia bersedia membantu," katanya.

Mohamed berkata beliau ditugaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menemui Anas dan pegawai-pegawai lain bagi membincangkan kerjasama itu secara terperinci.

Beliau berkata kedua-dua pihak bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa bersama yang bertanggungjawab menyediakan program bagi menangani masalah jerebu.

Katanya, beliau dan Anas bersetuju bahawa masalah jerebu itu kini semakin serius bagi kedua-dua negara dan perlu diatasi segera.

Anas berkata jerebu itu mungkin disebabkan oleh kecuaiian manusia atau kejadian semula jadi.

Katanya kerajaan telah mengeluarkan satu undang-undang yang memperuntukkan hukuman penjara dan denda 100 juta Rupiah bagi sesiapa yang didapati bersalah menyebabkan jerebu. -- BERNAMA

HS AKD